

**Jilid III**  
**Bil. 36**



**Hari Jumaat**  
**29hb Oktober 1993**

**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**

*House of Representatives*

**PARLIMEN KELAPAN**

*Eighth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**

*Third Session*

**KANDUNGAN**

## **RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1994**

**[Ruangan 7761]**

## **USUL:**

**Anggaran Pembangunan 1994**

**[Ruangan 7818]**



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.1., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

” Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

” Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

” Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Yang Amat Berbahagia Menteri Hal Ehwal Sabah, TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.K., K.C.R.L., K.S.T.J., O.B.E. (Limbawang).

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

” Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

” Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

” Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., D.M.P.N. (Permatang Pauh).

” Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

” Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

” Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., B.S.I. (Pulai).

- ” Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- ” Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- ” Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR. MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.S.S.A., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- ” Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- ” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- ” Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- ” Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- ” Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- ” Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- ” Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- ” Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- ” Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- ” Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- ” Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRs SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N. (Balik Pulau).
- ” Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- ” Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- ” Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

- ” Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, DR. FONG CHAN ONN (Selandar).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY, D.P.M.S. (Lipis).
- ” Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Kapar).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO' MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tajah).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATUK S. S. SUBRAMANIAM, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- ” TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- ” DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

- ” TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- ” DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- ” TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- ” DATO’ HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K. (Kuala Nerus).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- ” TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- ” DATO’ DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- ” TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- ” TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- ” TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- ” DATO’ ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- ” DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- ” TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- ” TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- ” DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- ” DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- ” TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- ” TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- ” TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- ” TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- ” DR. V. DAVID (Puchong).
- ” TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- ” TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- ” TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- ” TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- ” TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- ” TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).

- Yang Berhormat TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- ” TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- ” TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- ” TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- ” CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- ” LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- ” PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- ” TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- ” DATO’ DR. HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS, D.I.M.P. (Rompin).
- ” TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- ” TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- ” TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- ” TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- ” TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- ” DR. KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- ” TUAN LAI LUNG TZEE (Sandakan).
- ” TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- ” TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- ” TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- ” TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- ” TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- ” PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- ” DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- ” TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- ” TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- ” DR. T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- ” TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- ” TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- ” DATO’ HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- ” TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- ” TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).

Yang Berhormat DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,  
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

" DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K.  
(Sepang).

" TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

" DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P.,  
P.M.P., A.M.P. (Larut).

" DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).

" TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

" DR. NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).

" TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

" TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

" DR. OSMAN MINUDIN (Kinabalu).

" DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

" TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

" DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

" DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY, P.G.D.K., A.S.D.K.  
(Nibong Tebal).

" DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M.,  
K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).

" TUAN RADIN MALLEH (Padas).

" PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).

" Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

" TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).

" PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).

" TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).

" TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).

" DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).

" TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

" TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

" PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

" TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).

" TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).

" DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).

" TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).



Yang Berhormat DR. TAN SENG GIAW (Kepong).

- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- ” WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- ” WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- ” TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- ” WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- ” TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- ” DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- ” TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- ” TUAN WONG WING ON (Kampar).
- ” TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- ” TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- ” TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- ” TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- ” TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat* : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,  
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Ketua Penolong, Setiausaha* : Haji Taijadin bin Saberan.
- Penolong Setiausaha* : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha* : Zamani bin Haji Sulaiman.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

- Pegawai Penerbitan* : Ramaswamy.
- Penolong Penyunting* : Hajah Shamsiah binti Md. Yusop.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

- Haji Suhor bin Husin.  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.  
Supiah binti Dewak.  
Ismail bin Haji Hassan.  
Hajah Kalsom binti Ghazali.  
Mohamed bin Osman.  
Norishah binti Mohd. Thani.  
Zaharah binti Naim.  
Su Soon Chuan.  
Norwahidah binti Azizi.  
Rozita binti Abd. Samad.  
Jainah binti Sakimin.  
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

### BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Jumaat, 29hb Oktober 1993

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 4.00 petang*

## DOA

Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat)*

## RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG  
PERBEKALAN 1994

Bacaan kali Yang Kedua

(TEKS UCAPAN MENTERI  
KEWANGAN DIEDARKAN)

4.00 ptg.

**Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim):** *Bismillahir-Rahmanir-Rahim.* Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon mencadang supaya suatu Rang Undang-Undang bertajuk "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1994 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun itu" dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua,

## I. MUKADIMAH

1. Dunia kini sedang dilanda taufan perubahan. Negara industri dan membangun, di barat dan di timur, tersentak dengan kenyataan baru yang memaksa perubahan politik, ekonomi dan sosial. Rusia dan bekas negara sekutunya, memusnahkan struktur

politik dan ekonomi yang berdasarkan tembuk ideologi usang. China dan Vietnam membuka pintu seluas-luasnya kepada pelabur asing atas dasar ekonomi bebas. Bahkan Jepun, yang dijadikan model ekonomi terkemuka, terpaksa memperkenalkan langkah pembaharuan bagi meredakan kebuntuan politik dan kelemahan ekonomi. Amerika Syarikat dan Eropah bergelut mencari formula baru bagi mengatasi kelembapan dan pengangguran yang serius sekali.

2. Semua perubahan-perubahan ini bersama revolusi teknologi dan ledakan maklumat akan memberi impak ke atas struktur politik, ekonomi dan sosial dunia di dekad sembilan puluhan dan dalam menyongsong abad ke 21.

3. Justeru kerana ekonomi yang paling berkaitan dan faktor ketergantungan inilah yang menyebabkan Malaysia sendiri pernah terjebak dengan kemelesetan ekonomi. Sepertimana yang dirumuskan dalam laporan baru Bank Dunia, "Asia Timur Yang Menakjubkan", kita telah membina kekuatan setelah mengambil beberapa tindakan tegas, proaktifsertaberani bagi menstabil dan merubah struktur ekonomi sejak tahun lapan puluhan. Semua pengalaman menangani perubahan demi perubahan itu sesungguhnya telah memberikan kita lowongan dan kemampuan tatkala berhadapan dengan ekonomi dunia yang lesu. Setiap perubahan politik

dan ekonomi menjadikan kita lebih matang, lebih utuh dan lebih maju, tetapi yang lebih afdhal ialah pertimbangan kita, perubahan sikap dan nilai serta iltizam untuk meng-angkat darjat dan martabat bangsa.

4. Perubahan ini kini menampakkan hasil yang sungguh nyata, terutamanya dalam bidang ekonomi. Untuk pertama kali dalam sejarah negara, kita telah berjaya menghasilkan belanjawan berimbang—satu matlamat belanjawan yang menjadi idaman semua negara.

5. Berdasarkan hakikat inilah kita mengharapkan rakyat akan sentiasa peka dan responsif terhadap sebarang pembaharuan positif yang digerakkan atau dianjurkan oleh Kerajaan di masa hadapan supaya kemajuan kita tetap berterusan dan cemerlang.

6. Makanya, Belanjawan 1994 dirangka bagi melanjutkan langkah kebajikan fiskal, iaitu gabungan peruntukan perbelanjaan dan percukaian, untuk merangsang pertumbuhan ekonomi yang mampan, meningkatkan daya tahan ekonomi dalam menangani prospek ekonomi dunia yang muram serta menjamin kesaksamaan dalam menikmati kemakmuran negara. Ia semestinya menggarap permasalahan utama dan mampu menggembeling penyertaan segenap lapisan rakyat, golongan pelabur dan pengusaha, pekerja dan petani, dari kawasan bandar dan desa. Muafakat bersama haruslah ke arah meningkatkan produktiviti, kecekapan dan daya saing ekonomi negara. Inilah intisari dari gerak langkah kita menterjemahkan program ke arah mencapai Wawasan 2020.

## II. PRESTASI EKONOMI MAKRO

7. Sejak tiga tahun kebelakangan ini, ekonomi negara-negara maju hanya

berkembang pada kadar 0.2 hingga 1.5 peratus manakala ekonomi dunia keseluruhannya berkembang pada kadar 1.7 hingga 2 peratus sahaja. Di Malaysia, maklumat terkini menunjukkan perkembangan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah lebih baik daripada kadar 8 peratus. Ini bermakna ekonomi negara telah mencatatkan pertumbuhan pada kadar 8 hingga 9 peratus selama 6 tahun berturut-turut, satu pencapaian pertumbuhan tinggi secara berterusan yang belum pernah dialami sebelum ini (*Tepuk*).

8. Satu permasalahan paling rumit yang ditekankan dalam Belanjawan tahun lalu ialah membendung inflasi terutamanya dalam senario pertumbuhan ekonomi pantas. Inflasi telah meningkat dari 4.4 peratus pada tahun 1991 kepada 4.7 peratus pada tahun 1992 dan setengah-setengah pihak meramalkan paras inflasi akan mengatasi 5 peratus. Tetapi kecekalan kita melaksanakan dasar kewangan yang ketat, dasar fiskal yang berhemat, serta ketegasan mengawal harga dibantu dengan kesedaran para pengguna, inflasi telah dapat dibendung. Bagi sembilan bulan pertama tahun ini, paras harga pengguna hanya meningkat 3.7 peratus berbanding 4.7 peratus untuk tempoh yang sama tahun 1992. Malahan kadar inflasi bagi bulan September telah turun kepada 2.9 peratus sahaja. (*Tepuk*).

9. Negara-negara industri dilanda kegawatan masalah pengangguran yang paling buruk sejak Perang Dunia Kedua, dengan jumlah penganggur meningkat ke angka 32 juta atau 8.3 peratus dari jumlah tenaga kerja. Keadaan tersebut mendorong negara-negara industri menganjur Persidangan Khas Ketua Negara bagi mengatasi kebuntuan tersebut. Perdana Menteri tidak perlu hadir lagi dalam

Persidangan itu. Sebaliknya, Malaysia telah menikmati paras guna tenaga penuh dengan kadar pengangguran berkurangan kepada 3 peratus.

10. Eksport negara kian dinamik, sehingga dapat menembusi pasaran baru dan mengurangkan ketergantungan terhadap pasaran tradisional. Gesaan Perdana Menteri untuk meningkatkan kerjasama ekonomi Selatan-Selatan dan integrasi ASEAN dan ekonomi Asia Timur, telah menunjukkan kesan dan memberikan ekonomi Malaysia daya tahan untuk menangkis kesan kemelesetan negara-negara industri. Sementara peratusan eksport kita ke pasaran tradisional-iaitu Amerika Syarikat, Jepun, dan Kesatuan Eropah (EC), telah berkurangan, peratusan eksport ke ASEAN dan Asia Timur, tidak meliputi Jepun, telah meningkat dari 30 peratus pada tahun 1980 kepada 42 peratus pada tahun lalu.

11. Ditinjau dari petunjuk utama, prestasi ekonomi yang dicapai mengatasi jangkaan. Ketika membentangkan Belanjawan 1993, saya menganggarkan defisit akaun semasa imbalan pembayaran berjumlah RM4.2 bilion untuk tahun ini. Kita bersyukur kerana setelah mengalami defisit selama tiga tahun berturut-turut, akaun tersebut telah mencatat lebih banyak sebanyak RM511 juta untuk tahun ini. Kedudukan ini tambah mengukuhkan keseluruhan imbalan pembayaran.

12. Pengurusan sumber dan kewangan negara terus bertambah mantap. Tabungan negara meningkat dari 32.6 peratus kepada 35.4 peratus, dan kini telah melebihi keperluan pelaburan sebanyak 0.3 peratus Keluaran Negara Kasar (KNK), berbanding dengan jurang sumber yang negatif sejak 1990. Setelah mengambil kira perubahan nilai mata wang asing khususnya

peningkatan nilai mata wang yen, serta pinjaman Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK), hutang luar negara meningkat dari RM42.7 bilion pada penghujung tahun 1992 kepada RM47.2 bilion tahun ini. Walaupun jumlah khidmat hutang negara meningkat, kadar khidmat bayaran hutang terus turun kepada 5.2 peratus dari 5.7 peratus jumlah eksport kasar. Di samping itu, prestasi eksport yang cemerlang dan aliran masuk modal terus memperkukuhkan kedudukan rizab luar negara. Rizab luar negara meningkat dari RM47.2 bilion pada akhir 1992 dan dijangka melebihi RM60 bilion pada akhir tahun ini. [*Tepuk*]. Jumlah rizab telah jauh melebihi hutang negara dan mampu menampung 6.4 bulan import tertanggung; satu prestasi yang cukup cemerlang.

13. Keyakinan terhadap ekonomi negara kini terserlah dengan kehebatan prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Sejak awal tahun ini, Indeks Komposit BSKL meningkat dari 632.83 mata memuncak ke paras tertinggi iaitu 946.72 mata pada 28 Oktober 1993, menunjukkan lonjakan sebanyak 50 peratus, manakala bagi Papan Kedua, indeksnya meloncat sebanyak 108 peratus dari 136.32 mata kepada 284.14 mata. Sebagai bandingannya, bagi tempoh yang sama Indeks Nikkei meningkat hanya 16 peratus dan Dow Jones Industrial (New York) sebanyak 11 peratus. Jumlah nilai saham di BSKL bertambah kepada RM457.65 bilion pada 28 Oktober 1993, satu peningkatan sebanyak 86 peratus berbanding dengan jumlah pada awal tahun ini.

14. Tugas Suruhanjaya Sekuriti ialah mengawal-selia perkembangan industri sekuriti agar lebih teratur dan telus bagi menyuburkan keyakinan pelabur terhadap pasaran sekuriti negara itu.

Suruhanjaya Sekuriti akan terus bertindak tegas terhadap perlakuan manipulasi dan penyelewengan individu dan syarikat. Dorongan tamak haloba segelintir tidak harus mengorbankan kepentingan ramai pelabur atau menghakis keyakinan terhadap pasaran saham. Pendekatan paling berkesan bagi mengelak kepincangan ialah dengan menyorot perhatian kepada asas ekonomi yang kukuh serta kemantapan fundamental syarikat. Sementara mengulangi peringatan kepada pelabur, kita menyangkal keras pandangan negatif sekumpulan kecil yang sentiasa mempertikai keupayaan ekonomi negara dan mencemuh seluruh perkembangan pasaran saham sebagai kesan spekulasi semata-mata. Anehnya merekalah selalunya terdahulu untuk mengaut untung yang banyak setiap kali berlaku lonjakan harga di Bursa Saham Kuala Lumpur.

15. Namun, pertimbangan utama dalam sebarang penilaian mengenai kehebatan dan kemampuan ekonomi ialah jaminan kesejahteraan rakyat. Pada tahun ini pendapatan per kapita telah meningkat 10.8 peratus kepada RM8,350 atau AS\$3,280 dari AS\$2,890 tahun lalu. Bahkan ditinjau dari perkiraan ukuran daya beli (purchasing power parity) pendapatan per kapita negara telah melebihi AS\$7,500. Faedah pertumbuhan ekonomi meresapi ke segenap pelusuk negara. Kadar kemiskinan terus berkurangan dari 17 peratus pada tahun 1990 kepada kira-kira 14 peratus pada tahun 1992. Mutu kehidupan rakyat bertambah baik dengan pembekalan kemudahan asas, kesihatan, pendidikan dan pendedahan kepada maklumat.

16. Sesungguhnya, kejayaan yang paling menggembirakan dan membanggakan ialah pada kedudukan

kewangan Kerajaan. Tahun lalu saya menganjurkan agar kita menuju kearah belanjawan berimbang (balanced budget) dengan berbelanja secara berhemat. Dalam tahun 1993, hasil Kerajaan dianggar meningkat ke paras RM41.231 bilion, manakala jumlah keseluruhan anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan, ialah RM41.036 bilion. Berdasarkan anggaran tersebut, sepertimana yang dinyatakan tadi, inilah kali pertama dalam sejarah kita belanjawan berimbang tercapai. (*Tepuk*)

17. Belanjawan berimbang (balanced budget) iaitu bila mana perbelanjaan mengurus dan pembangunan tidak melebihi pendapatan memang sukar dicapai. Sebaliknya, kita telah mencapai kedudukan sedemikian walaupun kita mengurangkan cukai tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan Kerajaan. Belanjawan berimbang dijadikan instrumen penting dalam pengurusan fiskal bagi mencapai kestabilan ekonomi makro. Justeru Kerajaan tidak memerlukan peminjaman, maka kadar tabungan negara akan meningkat dan dapat digunakan sepenuhnya oleh sektor swasta untuk membiayai kegiatan pembangunannya.

### III. CABARAN-CABARAN SEMASA

Tuan Yang di-Pertua,

18. Bagi menangani cabaran tahun hadapan ekonomi Malaysia seharusnya mampu menggerakkan sumber pertumbuhan dalam negeri. Negara tidak seharusnya terlalu bergantung kepada modal asing memandangkan prospek modal antarabangsa akan terus berkurangan. Lantas, langkah susulan diperlukan bagi menggembeling

pelaburan dalam negeri. Sumber-sumber pertumbuhan tambahan dikenalpasti termasuk sektor binaan dan pelancongan dalam negeri serta mendorong kegiatan industri kecil dan sederhana. Pelaburan awam dalam bidang prasarana dan kemudahan awam ditambah bagi mengurangkan kesesakan di samping menyokong pelaburan swasta.

19. Prospek perdagangan antara-bangsa masih belum meyakinkan kerana keengganan negara maju mencapai kesepakatan dalam perundingan perdagangan Pusingan Uruguay. Pelbagai sekatan tarif serta bukan tarif dan munculnya blok perdagangan Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) di samping EC, tambah merumitkan prospek tersebut. Kita sememangnya mendukung dasar perdagangan bebas, namun kita perlu realistik menghadapi cabaran perlindungan yang kian ketara. Daya saing barangan kita perlu terus diperbaiki sehingga dapat menembusi segala sekatan yang dihadapi.

20. Meningkatkan daya saing barangan keluaran Malaysia menuntut kecekapan dan produktiviti industri serta pengurangan kos pengeluaran. Penggunaan teknologi tinggi merupakan prasyarat bagi negara kita memasuki tahap baru perindustrian. Sesungguhnya, faktor inilah yang mendorong pelaksanaan projek kereta nasional-Proton, Projek Kereta M-2, dan yang terbaharu sekali industri aerospace dengan projek pesawat ringan. Kemampuan penyelidikan dan pembangunan (P&P) tempatan perlu ditingkatkan dengan dokongan bersama sektor awam dan sektor swasta dan berorientasi ke arah industri dan teknologi canggih.

21. Kesesakan prasarana terutamanya di bidang tenaga dan trafik mula membosankan dan sedang diatasi segera. Pelan komprehensif yang dirancang dengan pembiayaan besar perlu dilaksanakan secara berkesan bagi menjamin tahap kecekapan ekonomi dan keselesaan awam. Pendekatan secara penswastaan digalakkan bagi mengurangkan beban pembiayaan awam sepertimana kejayaan Lebuhraya Utara Selatan yang akan siap sepenuhnya pada bulan April tahun hadapan.

22. Inflasi masih terus mencabar lebih-lebih lagi kerana kekurangan tenaga buruh yang menyebabkan kenaikan upah dan peningkatan permintaan agregat. Kita akan meneruskan gabungan dasar kewangan yang ketat, dasar fiskal berhemat, tetapi pendekatan yang paling ampuh ialah dengan meningkatkan produktiviti dan penggunaan teknologi serta menyederhanakan kenaikan upah.

23. Segala kebijaksanaan untuk memecah permasalahan ekonomi pada akhirnya hanyalah sebagai wasilah atau cara untuk memberi kesejahteraan kepada rakyat. Keghairahan mengejar pertumbuhan pesat tanpa pengarah dan kebijaksanaan boleh menjejaskan mutu hidup rakyat, menggasir atau menghakis segala nilai murni dan semangat kekitaan yang menjadi paksi kesatuan bangsa.

24. Semestinya kita harus peka dan mampu merungkai kekusutan dari mana-mana kelompok rakyat yang boleh menimbulkan kekecewaan, rasa terasing dan tersisih dari arus kemakmuran negara. Lantaran itu, permasalahan sosial yang mendesak termasuk kemiskinan desa, kesesakan dan perumahan bandar dan persekitaran bersih perlu digarap segera.

#### IV. STRATEGI BELANJAWAN 1994

Tuan Yang di-Pertua,

25. Belanjawan 1994 dirangka bagi menangani cabaran yang telah di-himbau. Ia harus sekaligus merangkum agenda Rangka Rancangan Jangka Panjang Ke-2 dan hasrat Wawasan 2020 ke arah meningkatkan martabat dan darjat bangsa. Dengan ini, dicadangkan strategi Belanjawan seperti berikut:

**Pertama:** memastikan pertumbuhan ekonomi terus utuh, segar dan mampan;

**Kedua:** membanteras inflasi;

**Ketiga:** menggilap ketrampilan dan menguasai teknologi; dan

**Keempat:** membina masyarakat seimbang dan saksama.

26. Berpandukan keempat-empat strategi ini, saya mencadangkan kebijakan fiskal tahun 1994 yang ditunjangi oleh falsafah yang memberikan konsep, budaya dan pengarah baru kepada fungsi Kerajaan. Sebenarnya di bawah pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Malaysia telah meneroka dan melaksanakan secara berperingkat falsafah pemerintahan yang kini giat diperkenalkan oleh pentadbiran baru Amerika Syarikat sebagai "reinventing government". Kerajaan harus kembali kepada peranan asal, berorientasikan perkhidmatan dan pembangunan dengan tahap pengurusan cekap, responsif dan berhemat. Pengarahan ditujukan bagi memupuk etika kerja baru, menyuburkan daya usaha dan menampilkan semangat keusahawanan segenap lapisan rakyat. Pendekatan ini bermakna kita perlu mengurangkan

hambatan, meningkatkan ransangan melalui pengurangan cukai serta mengurnia ganjaran berdasarkan produktiviti.

#### MEMPASTIKAN PERTUMBUHAN EKONOMI TERUS UTUH, SEGAR DAN MAMPAN

27. Di bawah strategi pertama kita akan mencadangkan beberapa instrumen fiskal untuk memacu pertumbuhan ekonomi. Belanjawan bercadang meneruskan *langkah berani* dalam bentuk tindakan percukaian dan perbelanjaan berhemat. Meskipun tindakan percukaian akan melibatkan pengorbanan hasil sebanyak RM1.89 bilion, ia harus dilihat sebagai strategi pelaburan demi menjamin pertumbuhan ekonomi yang kukuh yang pasti akan menjanakan hasil yang bertambah.

28. Kita telah memulakan reformasi percukaian secara menyeluruh. Kadar cukai telah dikurangkan secara berperingkat dan sistem galakan cukai telah dikaji semula untuk menjadikan ekonomi kita lebih berdaya saing dan menarik pelabur. Seiring dengan langkah tersebut, saya telah pun mengumumkan penggabungan cukai jualan dan cukai perkhidmatan di bawah nama Cukai Jualan dan Perkhidmatan (CJP) ke arah terlaksana sistem percukaian yang cekap, telus (transparent) dan mampu mengelakkan kebocoran. Kerajaan akan memulakan perbincangan dengan pihak swasta dan persatuan pengguna awal tahun hadapan.

#### PERUNTUKAN BELANJAWAN 1994

29. Selaras dengan strategi yang dirangka, saya mencadangkan se-



jumlah RM47.135 bilion diperuntukkan bagi tahun 1994 iaitu RM33.285 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan RM13.850 bilion untuk pembangunan. Jumlah ini merupakan pertambahan sebanyak 6.8 peratus berbanding dengan anggaran peruntukan 1993 iaitu pertambahan 3.1 peratus bagi perbelanjaan mengurus dan 16.8 peratus bagi pembangunan. Tambahan peruntukan adalah untuk melaksanakan projek prasarana yang mendesak, program sosio-ekonomi dan perolehan peralatan pertahanan.

30. Jumlah hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1994 dijangka meningkat kepada RM44.73 bilion berbanding dengan anggaran jumlah perbelanjaan sebanyak RM47.135 bilion. Dengan peningkatan perbelanjaan tersebut, kita menjangka Kerajaan akan menghadapi defisit keseluruhan yang sangat kecil pada kadar 0.3 peratus dari KNK. Meskipun demikian berasaskan kepada pengalaman prestasi hasil dan perbelanjaan tahun-tahun yang lalu, belanjawan berimbang (balanced budget) bagi tahun 1994 bagi keseluruhan akaun Kerajaan akan juga tercapai.

### PERBELANJAAN MENGURUS

31. Sebanyak RM10.885 bilion diperuntukkan bagi membiayai Emolumen jabatan Kerajaan termasuk kenaikan gaji dan elaun serta pengambilan kakitangan baru. Selaras dengan dasar memantapkan saiz perkhidmatan awam, usaha mengurangkan kakitangan akan diteruskan melainkan dalam bidang kritikal dan penguatkuasaan sahaja. Sementara itu, hampir 100,000 jawatan dimansuhkan melalui pengswastan

sehingga akhir tahun ini. Kajian mengenai badan-badan berkanun Persekutuan termasuk Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah akan mencadangkan langkah penswastan, penggabungan atau pembubaran agensi-agensi berkenaan sesuai dengan keperluan semasa.

32. Keberkesanan perkhidmatan melalui pusat bayaran setempat dan program seperti Pengurusan Kualiti Menyeluruh, Piagam Pelanggan menunjukkan agensi lebih responsif kepada kehendak awam.

33. Natiyah dari pembaharuan pentadbiran ini ialah menjamin kecekapan serta mengelakkan pembaziran dan rasuah. Lantaran itu, Badan Pencegah Rasuah (BPR) terus diperkukuhkan dengan peruntukan sebanyak RM28.6 juta. BPR cukup berwibawa dan tidak akan teragak-agak bertindak tegas terhadap sebarang perilaku rasuah. Agak naif sekiranya BPR dipinta bertindak semata-mata kerana isu itu digamatkan sebagai topeng atau modal memfitnah, lebih-lebih lagi di musim-musim tertentu. (*Ketawa*) (*Tepuk*). Tindakan terhadap rasuah seperti lain-lain jenayah perlulah melalui proses undang-undang. Biro Pengaduan Awam (BPA) kini mempunyai wewenang (authority) sebagai 'ombudsman' yang akan meneliti setiap sungutan dan aduan rakyat. Dari itu, pertanggungjawaban (accountability) dalam pengurusan kewangan dan pengawalan kuasa kian mantap.

34. Kerajaan menghargai sumbangan besar pekerja sektor awam. Justeru itu, di bawah Sistem Saraan Baru (SSB), pengiktirafan juga diberikan melalui keluwesan (flexibility) amalan saraan. Dilihat dari prestasi ekonomi negara dan sebagai menghargai khidmat

pekerja sektor awam, Kerajaan bersetuju memberi imbuhan setengah bulan gaji bagi semua kategori tetapi tidak kurang dari bayaran minimum RM400 sebulan. (*Tepuk*). Imbuhan tersebut akan turut dinikmati oleh badan berkanun dan anggota pasukan keselamatan. Pembayaran imbuhan ini melibatkan peruntukan keseluruhan melebihi RM500 juta dan akan dijelaskan dalam tahun ini juga. Kita sangat-sangat berharap manfaat imbuhan ini betul-betul dapat dinikmati oleh anak dan isteri masing-masing. (*Ketawa*).

35. Peruntukan di bawah *Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap* sebanyak RM16.756 bilion adalah untuk pemberian kepada kerajaan-kerajaan negeri dan badan-badan berkanun, bayaran khidmat hutang negara, pencen dan ganjaran serta sumbangan kepada kumpulan wang terkanun. Sejumlah RM4.384 bilion bagi Perkhidmatan dan Bekalan untuk keperluan penyelenggaraan, RM723 juta di bawah *Aset* adalah untuk pembelian alat kelengkapan dan RM536 juta adalah bagi bayaran balik cukai.

### PERUNTUKAN PEMBANGUNAN

36. Sejumlah RM13.850 bilion dicadangkan untuk tujuan pembangunan. RM7.049 bilion atau 50.9 peratus untuk *sektorekonomi*; RM3.206 bilion atau 23.2 peratus untuk *sektor sosial*; RM2.567 bilion atau 18.5 peratus untuk *sektor keselamatan*; dan RM528 juta atau 3.8 peratus untuk perkhidmatan am. Baki sejumlah RM500 juta adalah untuk *Simpanan Luar Jangka*.

37. Pada bulan Disember nanti, Perdana Menteri akan mem-

bentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam yang bertujuan menilai semula prestasi ekonomi dan pelaksanaan projek serta menambah had maksimum (ceiling) peruntukan pembangunan untuk keperluan mendesak.

### PERUNTUKAN MENGIKUT KEMENTERIAN

38. Sesuai dengan kemajuan negara, mutu perkhidmatan kesihatan juga ditingkatkan. Walaupun khidmat kesihatan swasta berkembang pesat, kemudahan kesihatan awam perlu terpelihara. Oleh itu, **Kementerian Kesihatan** diberi peruntukan mengurus yang bertambah berjumlah RM2.053 bilion, untuk menampung pengambilan 3,980 kakitangan baru untuk keperluan 50 kemudahan kesihatan dan 5 buah hospital baru. Peruntukan pembangunan sebanyak RM337 juta adalah untuk meneruskan pembinaan serta peningkatan taraf klinik desa, poliklinik, pusat-pusat kesihatan, asrama latihan dan penggantian peralatan hospital. Namun demikian, kes-kes penyakit mudah merebak seperti malaria, denggi dan taun masih dikesan disebabkan kurangnya perhatian rakyat terhadap penjagaan kesihatan dan kebersihan persekitaran. Oleh itu, peruntukan sebanyak RM567 juta di bawah perbelanjaan mengurus dikhaskan bagi melaksanakan program pendidikan kesihatan dan pengamalan cara hidup yang sihat, aktiviti pencegahan serta kawalan penyakit berjangkit.

39. Peruntukan mengurus sebanyak RM7.715 bilion disediakan untuk **Kementerian Pendidikan**. Sebahagian besar daripada tambahan adalah untuk membiayai 135 buah sekolah baru termasuk sekolah vokasional dan

teknik serta asrama dan menampung pertambahan murid seramai 203,500 orang. Sejumlah RM1.1 bilion disediakan bagi institusi pendidikan tinggi untuk pelaksanaan 28 kursus baru, kampus baru Institut Teknologi MARA (ITM) di Melaka dan Pahang, bantuan kepada Kolej Tunku Abdul Rahman, kampus Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di Gombak dan universiti baru di Sarawak (UNIMAS). Sejumlah RM409 juta diperuntukkan bagi maktab Perguruan dan Pusat Latihan Staff Politeknik di Batu Pahat bagi melatih seramai 26,900 guru dan 745 pensyarah politeknik. Peruntukan pembangunan berjumlah RM1.287 bilion adalah bagi pembinaan sekolah, institusi pendidikan tinggi, institusi latihan dan sumbangan bantuan pelajar.

40. Perubahan kurikulum menuntut pertambahan tugas dan tanggungjawab para pendidik. Menyedari hal demikian, Kerajaan akan mewujudkan Sistem Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Pendidikan yang baru. Sistem ini menambah ganjaran dengan memberikan peluang kenaikan pangkat bagi guru-guru dari pelbagai disiplin tanpa memerlukan mereka bertukar ke sekolah lain bagi menjalankan tugas pentadbiran. (*Tepuk*).

41. Sejumlah RM3.156 bilion dicadangkan untuk perbelanjaan mengurus **Kementerian Pertahanan** bagi membiayai emolumen termasuk Skuadron Maritim TUDM, kos penyelenggaraan dan penggantian peralatan tentera yang usang serta pembelian senjata moden. Sebahagian besar dari peruntukan pembangunan sebanyak RM2.211 bilion adalah bagi pembelian pesawat MIG 29 DAN F18 serta peralatan lain. Peruntukan

sebanyak RM402 juta disediakan untuk lain-lain projek pertahanan seperti pembelian radar dan peralatan tentera dan bagi pembinaan pengkalan TUDM di Tanjung Pengelih, Johor.

42. **Jabatan Perdana Menteri (JPM)** diberi peruntukan mengurus sebanyak RM1.114 bilion untuk perkhidmatan dan bekalan, biasiswa dan bantuan pendidikan termasuk kelas fardhu ain dan pembukaan beberapa pejabat cawangan Biro Tata Negara. Sebanyak RM605 juta disediakan bagi membangunkan projek perumahan, penempatan semula setinggian serta kerja-kerja pembaikan prasarana perkampungan di Wilayah Persekutuan dan projek Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

43. Sejumlah RM87.6 juta diagihkan untuk Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi memesatkan lagi program dakwah, latihan dan kegiatan Islam serta pembinaan kompleks latihan Islam di Kuala Kubu Baru. Festival Islam Sedunia 1994 akan menjadi kemuncak pameran kebudayaan Islam serta kesan dan pengaruhnya di rantau ini. Rancangan-rancangan tersebut akan diteruskan bersama dengan kegiatan yang diusahakan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan pertubuhan-pertubuhan Islam lainnya.

44. **Kementerian Kewangan** diberikan peruntukan mengurus sebanyak RM2.354 bilion bagi menampung perbelanjaan pejabat cawangan pemungutan cukai hasil yang baru, peningkatan sistem komputer, dan sumbangan kepada kumpulan wang terkanun termasuk Kumpulan Wang Pencandan Tabung Pinjaman Pelajaran.

RM488 juta di antara lain, adalah untuk menyediakan Labuan sebagai pusat kewangan luar pesisir antarabangsa (IOFC) projek pelancongan di Pulau Langkawi, pinjaman bagi projek pembedungan dan pembinaan pejabat serta perumahan kakitangan Kerajaan.

45. **Kementerian Pertanian** serta agensinya termasuk Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) diagihkan peruntukan sebanyak RM1.842 bilion termasuk pelaksanaan projek pertanian seperti Program Pertanian Bersepadu (IADP), perkhidmatan pengembangan, pemberian pelbagai jenis bantuan kepada petani termasuk Skim Bantuan Baja Padi dan Skim Subsidi Harga Padi, dan projek perikanan serta ternakan. **Kementerian Pembangunan Luar Bandar** disediakan RM1.811 bilion. Tambahan peruntukan mengurus adalah bagi membiayai kelas tadika Kemas yang meningkat. Sumbangan kepada badan berkanun di bawah Kementerian seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA) dan Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah berjumlah RM802 juta adalah bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan dan pemulihan tanah. Sejumlah RM177.7 juta disediakan untuk **Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi** termasuk untuk membiayai kos operasi pentadbiran, kerja ukur tanah, pembaikan bangunan

dan projek Bank Data Tanah. Tumpuan khas diberikan ke arah pengembangan dan pembangunan koperasi.

46. **Kementerian Dalam Negeri** diberikan sebanyak RM1.819 bilion untuk penyelenggaraan dan pembelian peralatan, termasuk membiayai Maktab Rendah Sains MARA bagi anak-anak polis, Program Rawatan dan Pemulihan Penagih Dadah serta banduan, pembukaan pejabat baru Jabatan Imigresen di Padang Besar dan Tanjung Gelugur serta pengambilan 700 pekerja sambilan untuk Jabatan Pendaftaran. Sejumlah RM444 juta yang diperuntukkan bagi tujuan pembangunan untuk meneruskan pembinaan dan pembaikan pejabat dan balai polis, pagar keselamatan sempadan, kem Pasukan Polis Hutan, dan pembelian 4 buah pesawat bagi Unit Udara Polis di samping sistem pengkomputeran Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Negara.

47. **Kementerian Luar Negeri** diperuntukkan RM215.6 juta sesuai dengan meningkatnya peranan Malaysia di arena antarabangsa. Ini termasuk pembiayaan 5 pejabat perwakilan baru di Budapest, Tashkent, Canton, Berlin dan selatan Filipina, serta kerja-kerja pembaikan beberapa pejabat canseri dan kediaman perwakilan di negara asing.

48. 378 jawatan pegawai undang-undang yang baru dan belanja menyiapkan 8 projek mahkamah baru, pembaikan Mahkamah Tinggi Jenayah akan dapat menjamin keberkesanan dan kelicinan perjalanan mahkamah. Untuk tujuan-tujuan tersebut, **Kementerian Undang-Undang** diagihkan sejumlah RM105.8 juta.

49. **Kementerian Penerangan** mendapat sejumlah RM346 juta untuk sistem pengkomputeran lesen radio dan

televisyen, perluasan Program Kampung Ku, operasi stesyen radio baru, peningkatan studio dan peralatan auditorium serta lain-lain perkhidmatan dan bekalan.

50. Sejumlah RM164 juta disediakan bagi **Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat** untuk memupuk budaya ikram bagi warga tua dan beberapa program baru termasuk Pusat Pemulihan Orang Cacat Bangi, Rumah Pesakit Melarat Kota Kinabalu, Pusat Pemulihan Pengemis Jerantut, Tadika Perpaduan dan pembinaan pondok-pondok Rukun Tetangga.

### **BELIA DAN WANITA**

51. Jumlah golongan remaja yang meningkat menuntut pendekatan yang bijaksana. Secara positif belia dan wanita memerlukan pendedahan kepada kegiatan membina yang mencakup bidang pendidikan am, kepemimpinan, seni dan budaya serta sukan dan olahraga. Kementerian Belia dan Sukan, melalui peruntukan sejumlah RM34.8 juta menekankan program pembinaan insan, latihan kemahiran dan keusahawanan serta sokongan terhadap pertumbuhan belia. Sejumlah RM86.2 juta diperuntukkan untuk program sukan untuk semua, senamrobik dan rekreasi sukan termasuk persiapan awal Sukan Komanwel 1998.

52. Pembiayaan Sukan Komanwel turut melibatkan sektor swasta dalam bidang latihan atlit dan penyediaan prasarana. Pembinaan Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil dengan kapasiti 80,000 penonton di stadium utama dengan kos berjumlah hampir RM500 juta akan dilaksanakan secara penswastaan. Syarikat SUKOM 98 akan mengendalikan Sukan Komanwel.

53. Dengan program Kerajaan dan galakan yang diberikan kepada

pertubuhan wanita, kegiatan mereka kian terserlah. Bagi membantu pengumpulan data serta hasil penyelidikan mengenai isu-isu semasa wanita, Pusat Sumber Maklumat Wanita terus dibantu.

### **POTONGAN DARIPADA CUKAI PENDAPATAN KE ATAS PERBELANJAAN BAGI MENYEDIAKAN PUSAT PENJAGAAN ANAK PEKERJA**

54. Jumlah pekerja wanita telah meningkat. Adalah wajar diberi keselesaan kepada ibu-ibu yang bekerja untuk turut mengawasi bayi dan anak-anak kecil mereka. Untuk meringankan bebanan tersebut, maka saya cadangkan supaya keseluruhan perbelanjaan bagi menyediakan kemudahan penjagaan anak pekerja termasuk bangunan yang disediakan oleh majikan diberi potongan bagi tujuan cukai pendapatan mulai tahun taksiran 1994. (*Tepuk*).

### **PENGANGKUTAN**

55. Pelaksanaan projek prasarana pengangkutan diberi keutamaan untuk mengatasi kesesakan. Sejumlah RM2.289 bilion yang disediakan bagi melaksanakan projek-projek utama jalan raya termasuk Jalanraya Simpang Pulai-Gua Musang-Kuala Berang, Jalan Timur Barat dan Butterworth-Titi Kerangan, Projek Pembangunan Bersepadu Tambak Johor dan Jalan-Jalan Besar Utama di Sarawak dan Sabah. Beberapa projek lebuh raya lainnya akan dilaksanakan melalui penswastaan.

56. Projek Landasan Berkembar dan Elektrifikasi di antara Kuala Lumpur-Pelabuhan Kelang dan Subang dan Rawang-Seremban akan

menelan belanja RM465 juta. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan pengendalian kargo, kontena serta trafik penumpang.

57. Bagi meningkatkan perkembangan sektor perkhidmatan dan industri perdagangan antarabangsa, Pelabuhan Kelang telah diswastakan dan Pelabuhan-pelabuhan Bintulu dan Johor diperbadankan. Sebuah pelabuhan baru di Pulau Indah (Pelabuhan Barat) yang melibatkan pelaburan sebanyak RM1.6 bilion sedang dibina bagi mengatasi kesesakan di Pelabuhan Kelang. Aktiviti perkapalan antarabangsa diperhebatkan dengan kewujudan zon perdagangan bebas di kawasan Pelabuhan Utara Kelang, dan pelaksanaan rangkaian data elektronik (EDI).

58. Sejumlah RM205 juta disediakan untuk meneruskan pelaksanaan projek Lapangan Terbang Antarabangsa (KLIA) di Sepang. Daripada jumlah kos keseluruhan projek yang dianggarkan sekitar RM8 bilion hingga RM9 bilion, hanya RM934 juta disediakan kerana pembiayaan kos selebihnya akan dibuat di luar belanjawan melalui pinjaman dari institusi kewangan swasta oleh Syarikat KLIA Bhd.

### **SISTEM PENGANGKUTAN BANDAR**

59. Di bawah skim penyuraian lalu lintas ibu kota Kuala Lumpur, sejumlah RM296 juta diperuntukkan kepada Kementerian Kerja Raya dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi pembinaan Jalan Lingkaran Tengah dan beberapa projek persimpangan bertingkat. Projek Rel Transit Ringan (LRT) Fasa I yang dilaksanakan melalui penswastaan telah pun bermula. Projek ini melibatkan kos sebanyak

RM1.2 bilion dan merupakan sebahagian daripada rancangan bagi mengatasi kesesakan lalu lintas di Bandaraya Kuala Lumpur. Tetapi buat sementara waktu, kesesakan akan lebih buruk lagi.

### **PERINDUSTRIAN DAN PERDAGANGAN**

60. Selain usaha gigih Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri menggalakkan eksport dan pelaburan, Kerajaan telah juga menubuhkan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dengan peruntukan RM22 juta untuk melaksanakan program galakan perdagangan.

61. Untuk menangani masalah aliran masuk modal asing yang mula sederhana Kerajaan telah melancarkan Inisiatif Pelaburan Dalam Negeri terutamanya dalam sektor industri kecil dan sederhana (IKS). Di antaranya termasuk penyediaan tapak, skim pinjaman, pemasaran, galakan cukai dan khidmat nasihat yang melibatkan peruntukan sebanyak RM76.5 juta.

### **GALAKAN UNTUK IBU PEJABAT OPERASI**

62. Dalam Belanjawan tahun lalu galakan bagi penubuhan Ibu Pejabat Operasi (IPO) telah diperluaskan kepada aktiviti terpilih dalam sektor perkhidmatan. Saya mencadangkan supaya kemudahan tersebut diperluaskan juga kepada perkhidmatan bank perdagangan dan bank pelaburan. Ini bermakna syarikat-syarikat berkenaan bolehlah memberi perkhidmatan pengurusan dan sokongan kepada rangkaian syarikat mereka di merata dunia sambil

menikmati galakan cukai pada kadar konsesi sebanyak 10 peratus.

### PELANCONGAN

63. Kita telah menikmati hasil perkembangan industri pelancongan menerusi pertambahan peluang pekerjaan, perhotelan, perbekalan makanan dan industri kraftangan. RM276 juta diperuntukkan bagi membolehkan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) melaksanakan program peningkatan industri pelancongan termasuk pembukaan dua pejabat cawangan baru di Osaka dan New York.

64. Program Tahun Melawat Malaysia 1994 dijangka akan dapat menarik lebih 7 juta pelancong. Dengan hasil ini, hasil yang diperolehi dari industri pelancongan dijangka bertambah dari RM4.6 bilion kepada 6 bilion. Sebagai galakan kepada pelancong dalam negeri, beberapa hotel kos sederhana dengan kemudahan 1,400 bilik penginapan akan disediakan.

65. Bagi menggalakkan usaha membawa masuk pelancong dari luar negeri, pengecualian cukai diberi kepada syarikat pengusaha pelancongan tempatan ke atas pendapatan mengendalikan sekurang-kurangnya 500 pelancong asing. Oleh kerana galakan ini berakhir dalam tahun taksiran 1993, saya mencadangkan untuk melanjutkan kemudahan tersebut sehingga tahun taksiran 2000. Saya juga mencadangkan supaya kemudahan ini diperluaskan untuk meliputi semua pelancong yang datang dari udara, darat dan laut.

66. Satu aktiviti yang mempunyai potensi dalam industri pelancongan adalah penggalakan penggunaan kenderaan percutian 'rumah bergerak' (motorised home). Walaupun 'motorised home' tidak dikeluarkan di dalam negara tetapi duti importnya terlalu tinggi memandangkan ianya diperjeniskan sebagai kenderaan bermotor. Oleh yang demikian saya mencadangkan supaya duti import 'motorised home' dikurangkan kepada 35 peratus.

67. Malaysia juga harus cukup menarik sebagai pusat persidangan dan pameran utama di rantau ini. Kejayaan pameran "International Maritime Aerospace Exhibition" (LIMA) di Langkawi umpamanya akan dapat meletakkan Malaysia di peta dunia sebagai pusat pameran "aerospace" yang terkenal dan seterusnya meningkatkan lagi industri pelancongan utama.

### STRATEGI PERCUKAIAN

68. Dalam Belanjawan ini, saya akan terus mengamalkan strategi percukaian yang meransang pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan pelaburan swasta di samping memberi beberapa pelepasan untuk meringankan bebanan cukai bagi golongan berpendapatan rendah dan membantu menurunkan harga barangan perlu. Sepertimana yang ditegaskan, semua langkah pengurangan dan pelepasan cukai akan melibatkan pengorbanan hasil yang besar, namun, jumlah bersih hasil Kerajaan pada tahun 1994 dijangka masih tinggi iaitu sebanyak RM42.831 bilion. Prestasi ini masih kukuh dan mampu membiayai perbelanjaan mengurus dan pembangunan.

### **MENGURANGKAN KADAR CUKAI PENDAPATAN SYARIKAT**

69. Sebagai langkah susulan dari keputusan sebelumnya, saya mencadangkan kadar cukai pendapatan syarikat diturunkan sebanyak 2 peratus iaitu daripada 34 peratus kepada 32 peratus mulai tahun taksiran 1994. (*Tepuk*). Kadar ini akan diturunkan lagi kepada 30 peratus mulai tahun taksiran 1995. (*Tepuk*). Langkah ini akan menjadikan kadar cukai pendapatan syarikat setanding dengan kadar di negara-negara jiran dan seterusnya memperbaiki lagi iklim pelaburan di negara kita.

### **KAJIAN SEMULA STRUKTUR CUKAI UNTUK INDUSTRI PETROLEUM HULUAN**

70. Kali terakhir struktur cukai industri petroleum huluan disemak ialah pada tahun 1975 dan semenjak itu banyak perubahan telah berlaku. Harga petroleum mentah telah turun sedangkan kos operasi kian meningkat manakala saiz purata medan minyak bertambah kecil. Untuk menggalakkan pelaburan dalam bidang penerokaan petroleum saya mencadangkan supaya kadar cukai pendapatan petroleum dikurangkan dari 45 peratus kepada 40 peratus mulai tahun taksiran 1994. (*Tepuk*). Saya juga mencadangkan supaya kadar duti eksport ke atas petroleum mentah dikurangkan daripada 25 peratus kepada 20 peratus mulai 1 Januari 1995. Saya yakin langkah pengurangan cukai ini akan mendorong perkembangan industri petroleum dan seterusnya menambahkan hasil Kerajaan pada masa hadapan.

### **MELANJUTKAN TEMPOH DAN MENAIKKAN KADAR ELAUN PELABURAN SEMULA (EPS)**

71. Jika diperhatikan, skim insentif yang wujud sekarang memberikan keutamaan kepada usaha menarik dan menggalakkan pelaburan dalam projek baru sahaja. Sewajarnya industri yang sedia ada juga perlu diberi insentif seimbang untuk menggerakkan sumber daya domestik dengan menggunakan keuntungan bagi melabur semula dan membesarkan operasi mereka dalam negara ini. Dengan itu, saya mencadangkan supaya Elaun Pelaburan Semula (EPS) untuk industri besar dinaikkan dari 40 peratus kepada 50 peratus mulai 1 Januari 1994. (*Tepuk*). Dengan ini maka kadar EPS adalah sama bagi semua syarikat tanpa mengambilkira saiznya. Di samping itu, saya juga mencadangkan supaya galakan EPS yang akan tamat pada 31 Disember 1995 dilanjutkan. Satu notis yang mencukupi akan diberi sekiranya galakan ini hendak dikaji semula.

### **GALAKAN TAMBAHAN BAGI PELABURAN MALAYSIA DI LUAR NEGERI**

72. Sebagai galakan bagi syarikat-syarikat yang berkeupayaan menerokai pelaburan di luar negeri, Kerajaan telah mengecualikan dari cukai 50 peratus pendapatan yang dibawa balik ke Malaysia bagi projek yang diluluskan. Kerajaan berharap wang yang dibawa balik itu akan dilaburkan semula dalam negara. Galakan ini didapati masih kurang menarik untuk mendorong pelaburan ke luar negeri serta remitan wang yang lebih banyak daripada pelaburan-pelaburan tersebut. Dengan demikian saya mencadangkan kadar penge-



cualian ini dikaji semula supaya pendapatan yang dibawa balik itu akan hanya dikenakan cukai pada kadar **tidak melebihi 10 peratus**. Cadangan ini akan juga dinikmati oleh syarikat yang melaksanakan projek pembinaan dan projek perkhidmatan dalam industri minyak dan gas di luar negeri.

### **MENAIKKAN KADAR REBAT**

73. Pada tahun lalu saya telah pun mengurangkan cukai pendapatan individu dan telah melegakan semua pembayar cukai. Kini, saya ingin menyusuli dengan memberikan penumpuan khusus terhadap golongan berpendapatan rendah. Saya mencadangkan kadar rebat yang sekarang dinikmati oleh individu yang mempunyai pendapatan bercukai RM10,000 ke bawah dinaikkan, iaitu daripada RM60 kepada RM90 untuk pembayar cukai dan daripada RM30 kepada RM50 bagi isteri. Dengan kenaikan kadar rebat ini seorang pembayar cukai yang berpendapatan RM1,270 sebulan dan menikmati pelepasan diri sendiri, isteri dan lima orang anak tidak akan membayar apa-apa cukai. Sekiranya pelepasan bagi caruman KWSP dan premium insurans atau takaful diambil pertimbangan seorang pembayar cukai yang berpendapatan RM1,700 sebulan tidak akan dikenakan cukai. Langkah ini sekaligus membebaskan sejumlah 60,000 orang lagi pembayar cukai dari dikenakan cukai. (*Tepuk*). Justeru itu, struktur cukai pendapatan individu di negara ini telah membenarkan seseorang pembayar cukai itu menikmati pelepasan cukai yang lebih tinggi dibandingkan di negara-negara lain. Satu sistem yang cukup adil yang hanya Pembangkang tidak bersetuju (*Ketawa*). (*Tepuk*).

### **MENAIKKAN PELEPASAN KWSP DAN INSURANS/ TAKAFUL**

74. Satu lagi pelepasan yang dikaji semula ialah caruman kepada KWSP dan premium Insurans atau Takaful yang sekarang ini dibenarkan setakat RM3,500 sahaja. Saya mencadangkan untuk menaikkan pelepasan KWSP dan premium Insurans atau Takaful kepada RM5,000. Tambahan pelepasan akan mengurangkan lagi beban cukai kepada mereka dan menggalakkan tabungan serta perkembangan industri Insurans atau Takaful.

### **MENAIKKAN POTONGAN MAJIKAN KE ATAS CARUMAN KWSP**

75. Di pihak majikan pula saya mencadangkan supaya had pelepasan cukai yang dibenarkan ke atas caruman KWSP dinaikkan daripada 15 peratus kepada 16 peratus mulai tahun taksiran 1994. Langkah ini adalah selaras dengan kenaikan caruman wajib daripada 11 peratus kepada 12 peratus yang diumumkan dalam belanjawan yang lalu, dan juga untuk menggalakkan pihak majikan menambah kemudahan pekerja dan tabungan.

### **MEMPERLUASKAN SKOP CUKAI PERKHIDMATAN**

76. Sehingga CJP dilaksanakan, saya bercadang meluaskan lagi skop cukai perkhidmatan pada kadar 5 peratus untuk merangkumi perkhidmatan-perkhidmatan hantar cepat, (courier) letak kereta, pergigian dan doktor veterina. Sepertimana kaedah cukai perkhidmatan yang lalu, kita akan menetapkan had urusaniaga (threshold)

untuk tujuan mengecualikan pengguna dan pelanggan kecil. Perluasan cukai ini akan berkuatkuasa pada 1 Januari 1994.

### **DUTI SETEM ATAS NOTA KONTRAK**

Tuan Yang di-Pertua,

77. Sepertimana yang telah ditegaskan sebelum ini, sambutan di Bursa Saham Kuala Lumpur cukup ghairah sekali. Oleh itu, saya percaya pihak pelabur tidak keberatan jika saya cadangkan duti stem ke atas kontrak jualbeli saham dinaikkan 50 sen sahaja mulai 1 Januari 1994.

### **KAJIAN SEMULA KADAR DUTI IMPORT ATAS MOTOSIKAL BESAR (SUPERBIKE)**

78. Saya dapati akhir-akhir ini, wujudnya kecenderungan dan keghairahan baru di kalangan golongan mewah membeli motosikal besar dan canggih. (*Ketawa*). Kita tidak bertujuan menusuk kecenderungan mereka, namun saya mencadangkan supaya kadar duti import ke atas motosikal besar yang mempunyai kapasiti enjin 500 cc dan ke atas dinaikkan (*Ketawa*) daripada 60 peratus kepada 120 peratus. (*Ketawa*) (*Tepuk*).

### **MEMBANTERAS INFLASI**

79. Strategi membanteras inflasi didorong oleh keprihatinan terhadap bahaya inflasi dan kesan buruknya ke atas keutuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

80. Memandangkan kepada prestasi pertumbuhan ekonomi yang

memberangsangkan, dasar kewangan yang menjurus ke arah kestabilan kewangan perlu diteruskan untuk membendung inflasi di samping menggalak pertumbuhan ekonomi dan peluang pekerjaan dalam jangkamasa sederhana. Dasar kewangan harus sentiasa waspada untuk tidak memberikan gambaran terlalu longgar yang mungkin membawa kepada tekanan dan psikologi inflasi. Kadar faedah akan hanya dibenarkan berkurangan setelah wujud tanda yang meyakinkan bahawa pertumbuhan bekalan wang telah menjadi sederhana dan kadar inflasi telah dapat dikawal pada tahap yang rendah. Dasar kewangan negara perlu mengambilkira aliran masuk modal yang mengambil manfaat dari perbezaan faedah. Justeru itu, jika aliran masuk ini berterusan tindakan akan diambil untuk menyerap kecairan (liquidity) yang berlebihan dari sistem kewangan negara.

81. Indeks Harga Pengguna padamasa ini mempunyai keterbatasannya justeru kerana tidak dapat menggambarkan gerak harga kumpulan barangan yang digunakan oleh kumpulan pendapatan yang berbeza dan dari kawasan yang berasingan. Dari itu, wajaran baru Indeks Harga Pengguna akan digunakan yang akan membantu kita dalam menangani permasalahan golongan dan kawasan yang berbeza.

82. Sebenarnya, usaha membanteras inflasi dalam jangka panjang adalah melalui peningkatan daya pengeluaran. Kita seharusnya berbangga kerana produktiviti pekerja Malaysia terus meningkat berkat muafakat antara pekerja dan majikan. Kesatuan-kesatuan sekerja Malaysia, pada umumnya telah menunjukkan kematangan dan semangat kerjasama mewujudkan keharmonian industri.

Mereka tidak terpengaruh dengan hasutan dan budaya kesatuan-kesatuan sekerja luar negeri yang telah menyebabkan merosotnya produktiviti dan melemahkan daya saing industri mereka.

**PENGURANGAN DUTI  
IMPORT/CUKAI JUALAN/  
DUTI EKSAIS KE ATAS  
BARANGAN PENGGUNA/  
KOMPONEN**

83. Penurunan kadar duti import ke atas lebih 600 barangan dalam Belanjawan 1993 telah memberikan kesan positif dalam usaha mengurangkan inflasi di samping memberikan peluang rakyat menikmati harga barangan yang lebih murah. Maka, dalam Belanjawan ini saya mencadangkan supaya duti import ke atas lebih daripada 500 barangan dikurangkan atau dihapuskan. Dari jumlah tersebut, 135 terdiri dari bahan makanan termasuk makanan bayi dan kanak-kanak (25 peratus), 180 barangan atau peralatan binaan (33 peratus), 79 barangan komponen atau peralatan perubatan (15 peratus) dan 44 barangan gantian kenderaan (8 peratus).

84. Pengalaman lalu membuktikan bahawa pengedar dan peniaga enggan menurunkan dengan segera harga barang-barang yang duti importnya telah diturun atau dihapuskan. Sebagai contoh, berus gigi, syampu, pinggan mangkuk dan biskut telah lambat diturunkan harga. Perkara ini tidak harus dibenarkan berulang lagi. Dengan peruntukan sebanyak RM32.9 juta, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mampu meningkatkan penguatkuasaan dan memastikan harga barangan diturun setimpal dengan penurunan duti import. RM2.2 juta disalurkan

kepada persatuan pengguna bagi membantu meningkatkan kesedaran pengguna dan lain-lain kegiatan anti-inflasi. Untuk memudahkan penguatkuasaan, senarai harga baru yang berpatutan bagi barang-barang yang telah dikurangkan duti importnya akan disediakan.

85. Saya juga mencadangkan pemansuhan cukai jualan ke atas 44 barangan komponen mesin termasuk komponen penjana, turbin, dandang (boilers) dan mesin pengimpal. Cadangan ini, sebagai tambahan kepada pemansuhan cukai jualan ke atas mesinsiap yang dibuat di masa lalu, adalah untuk menggalakkan pengeluaran dan meningkatkan daya saing mesin buatan tempatan.

86. Sebelum ini Kerajaan telah menurunkan duti import ke atas 36 barangan, di antaranya termasuk perisa makanan, bateri kering dan tayar kenderaan. Barangan yang serupa keluaran tempatan adalah tertakluk kepada duti eksais; tetapi tidak diberi pengurangan duti yang seimbang. Dengan demikian, saya mencadangkan supaya duti eksais ke atas barangan tersebut dikurangkan sewajarnya.

**PENGECCUALIAN CUKAI  
PEGANGAN KE ATAS  
KEUNTUNGAN DARI SKIM  
PERBANKAN TANPA FAEDAH**

87. Tuan Yang di-Pertua, kita telah mengemukakan beberapa langkah untuk menggalakkan tabungan sebagai strategi mengawal inflasi, di antaranya dengan memberikan pengecualian cukai pegangan ke atas faedah yang diterima dari simpanan tidak melebihi RM50,000. Bank Islam Malaysia Berhad telah diberikan pengecualian yang sama ke atas keuntungan yang

diterima. Sekarang beberapa bank perdagangan telah tampil menawarkan skim perbankan (banking) tanpa faedah bukan sistem Pembangkang yang tidak berfaedah (*Ketawa*) yang serupa dengan skim yang ditawarkan oleh Bank Islam. Untuk meningkatkan penggunaan perkhidmatan ini sebagai instrumen penggalakkan tabungan, saya mencadangkan pengecualian yang sama diberikan kepada penyimpan-penyimpan dalam skim perbankan tanpa faedah.

### **MENGGILAP KETRAMPILAN DAN MENGUASAI TEKNOLOGI**

88. Pembangunan sumber manusia, dari segi ilmu, ketrampilan dan keupayaan teknologi, begitu strategik sekali bagi memberikan kekuatan melompat ke era baru perindustrian. Berikutan itu, sistem pendidikan, program pembangunan sumber manusia, kegiatan penyelidikan dan pembangunan (P&P) memerlukan pengarah baru.

89. Dengan tempo perubahan dalam negara dan di dunia, kelewatan melakukan reformasi pendidikan tinggi akan menyebabkan universiti-universiti kita kehilangan relevannya di zaman ini. Pertumbuhan pesat institusi-institusi pendidikan swasta melalui program berkembar dengan universiti antarabangsa telah menggugat kedudukan universiti sebagai satu-satunya tempat memperoleh pendidikan tinggi. Cadangan Perdana Menteri untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dan menarik pelajar-pelajar dari negara lain juga akan memberikan kesan mendalam terhadap sistem pendidikan negara. Untuk melaksanakan ini, usaha

memperkenalkan Akta Pendidikan yang menyeluruh perlu disegerakan.

91. Pada masa ini, ibu bapa yang menghantar anak belajar ke institusi pelajaran tinggi luar negeri diberi pelepasan cukai sehingga RM3,200 seorang, iaitu empat kali ganda pelepasan biasa seorang anak. Untuk menggalakkan ibu bapa memanfaatkan kemudahan pengajian tinggi dalam negeri, seterusnya mengurangkan aliran tukaran asing, saya mencadangkan pelepasan anak yang belajar di institusi pengajian tinggi dalam negeri diberikan pelepasan maksimum empat kali ganda, (*Tepuk*). Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1994. Saya juga mencadangkan pelepasan anak yang belajar di institusi pengajian tinggi luar negeri dikurangkan dari empat kali ganda kepada dua kali ganda kadar pelepasan anak.

92. Sains dan teknologi. Sehingga tahun 1993, Kerajaan membelanjakan sejumlah RM411.4 juta untuk kegiatan P&P melalui program Penumpuan Penyelidikan di Dalam Bidang-bidang Keutamaan atau IRPA. Bagi tahun 1994, RM116.4 juta diperuntukkan. Bagi tahun 1993, Petronas, Proton, Tenaga Nasional Berhad dan Syarikat Telekom Malaysia memperuntukkan RM127 juta bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan.

93. RM86.3 juta disediakan untuk membangun kawasan seluas 314 hektar di Bukit Jalil, untuk Taman Teknologi dengan kegiatan penyelidikan. Syarikat-syarikat swasta dan badan-badan berkanun digalakkan membina pusat-pusat P&P di taman ini. Majlis Rekabentuk Kebangsaan di SIRIM akan menerajui dan menyelaraskan semua kegiatan yang meningkatkan keupayaan industri tempatan dalam bidang rekabentuk.

### **GALAKAN UNTUK AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (P&P)**

94. Sehingga kini kegiatan P&P sektor swasta kebanyakannya masih bersifat dalaman dan kecil-kecilan. Untuk menggalakkan sektor swasta menjalankan kegiatan yang lebih berkesan, saya mencadangkan syarikat yang menubuhkan pusat penyelidikan dan pembangunan untuk keperluan syarikat induk, anak syarikat dan syarikat sekutu diberikan galakan baru dalam bentuk elaun penyelidikan sebanyak 100 peratus ke atas perbelanjaan modal selama 10 tahun.

95. Kepada syarikat yang ingin memula atau hanya memampukan kegiatan P&P secara dalaman, saya juga ingin mencadangkan galakan tambahan dalam bentuk elaun penyelidikan sebanyak 50 peratus ke atas perbelanjaan modal. Kegiatan ini sekarang hanya menikmati potongan dua kali ke atas perbelanjaan mengurus.

96. Kerajaan telah menyediakan skim galakan untuk syarikat modal teroka (Venture Capital Company-VCC) bagi membiayai pelaksanaan projek berisiko tinggi dan teknologi baru. Galakan ini diberi dalam bentuk pengecualian cukai ke atas keuntungan yang diperolehi daripada penjualan saham dalam syarikat yang dilabur itu. Syarikat VCC kurang mendapat sambutan kerana takrif ketat yang mensyaratkan pelaburan 100 peratus dalam projek berisiko tinggi.

Justeru itu, saya mencadangkan takrif tersebut dilonggarkan di mana syarikat yang mempunyai sekurang-kurangnya 70 peratus dari pelaburannya dalam projek berisiko tinggi dan teknologi baru layak menerima galakan sebagai VCC.

### **PEMBANGUNAN TENAGA MANUSIA**

97. RM79.3 juta disediakan bagi program latihan kemahiran yang dikendalikan oleh Kementerian-kementerian Sumber Manusia, Belia & Sukan, Perusahaan Awam serta MARA. Seramai 27,500 orang akan mendapat latihan termasuk melalui kursus di luar waktu bekerja. Jumlah pelatih kian bertambah dengan rancangan latihan PETRONAS, TNB, Proton dan Telekom Malaysia.

98. Sejumlah RM45 juta disediakan di bawah rancangan Latihan Pengurusan Teknologi Perindustrian untuk memberi latihan dan pendedahan dalam bidang sains dan teknologi di pusat pengajian tinggi antarabangsa bagi kakitangan agensi P&P seperti SIRIM, MARDI, PORIM dan MIMOS.

### **PEMBANGUNAN USAHAWAN BUMIPUTERA**

99. Kementerian Perusahaan Awam diperuntukkan RM90 juta bagi membiayai usahawan Bumiputera melalui MARA dan Bank Pembangunan Malaysia, melalui Skim Kilang Bimbingan dan Skim Modal Asas.

100. Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dipertanggungjawab menyediakan beberapa pakej perkhidmatan bersepadu membangunkan sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera. Strategi pembangunan usahawan dan korporat PUNB meliputi program skim vendor dengan syarikat-syarikat Kerajaan, Program Pertukaran

Usahawan, Program Industri Sasaran dan Program Pendekatan Terus.

101. 'Skim Vendor' yang dikelolakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri melibatkan pengeluaran komponen kereta Proton, komponen elektrik dan elektronik serta komponen perabot yang disokong oleh 27 institusi kewangan.

102. Melalui program Pembangunan Kontraktor Pembinaan Bumiputera Berwibawa, Kerajaan memberikan keutamaan melalui pemberian kontrak dan pinjaman kepada syarikat bumiputera yang mempunyai rekod kerja yang memuaskan dan berdaya maju.

103. Kerajaan telah pun menggubal Dasar Perolehan Negara (National Procurement Policy) untuk mengelak pembaziran dan menjamin kita mendapat nilai maksimum dari perbelanjaan.

### **MEMBINA MASYARAKAT SEIMBANG DAN SAKSAMA**

104. Tuan Yang di-Pertua, barakah yang kita nikmati dalam negara di antara lain ialah kerana kita sepadankan agenda moral dan dimensi insan dalam pembangunan. Kita tidak menunggu sehingga digemparkan oleh keberantakan sosial untuk menginsafi bahawa pembangunan seutuhnya menuntut kewujudan masyarakat seimbang, adil dan saksama. Justeru itu, strategi keempat mencadangkan langkah-langkah fiskal yang bertujuan merapatkan jurang ekonomi serta keadaan kehidupan antara kawasan dan kumpulan pendapatan.

105. Sejumlah RM160 juta disediakan untuk projek-projek bagi mengurang-

kan ketidakseimbangan dalam pembangunan sosial dan ekonomi antara negeri dan kawasan. Ini adalah untuk menyediakan kawasan perindustrian, mengadakan program menggalakkan kemasukan industri dan mempelbagaikan asas ekonomi negara melalui lembaga kemajuan wilayah; dan membiayai projek perintis pembangunan pusat pertumbuhan desa dengan kemudahan perniagaan serta industri kecil.

106. Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos diberi peruntukan RM575 juta untuk meningkatkan kemudahan awam kawasan luar bandar. RM312 juta bagi pembinaan dan pembaikan jalan luar bandar; RM120 juta bagi bekalan air; dan RM143 juta bagi bekalan elektrik. Ini akan meningkatkan peratus penduduk luar bandar yang menikmati bekalan air paip dan kemudahan elektrik menjelang akhir tahun 1994 kepada 81 peratus.

107. Kerajaan akan menyediakan peruntukan yang meningkat berjumlah RM1.575 bilion kepada kerajaan-kerajaan negeri melalui pelbagai jenis pemberian termasuk Geran Per Kapita, Geran Penyelenggaraan Jalan Raya, Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi dan Kesejahteraan Hidup dan sumbangan kepada perbadanan kemajuan negeri untuk membantu pelaksanaan pelbagai projek pembangunan. Kaedah pengagihan sejumlah peruntukan besar ini adalah untuk menjamin keseimbangan dan kesaksamaan di antara negeri dan daerah, penduduk desa dan kawasan pedalaman. Maka melesetlah dakwaan bahawa ada negeri-negeri yang dikuasai oleh pihak Pembangkang telah dinafikan dari pengagihan tersebut.

**GALAKAN UNTUK  
INDUSTRI DI KORIDOR  
PANTAI TIMUR  
SEMENANJUNG, SABAH  
DAN SARAWAK**

108. Skim galakan pelaburan sekarang perlu diubahsuai untuk menarik lebih banyak pelaburan ke kawasan dan negeri yang masih ditahap pembangunan yang rendah. Saya mencadangkan supaya syarikat yang menjalankan aktiviti yang digalakkan di Sarawak, Sabah dan kawasan-kawasan di Koridor Pantai Timur menikmati cukai pendapatan kira-kira 5 peratus berbanding dengan 10 peratus yang dikenakan ke atas syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti yang sama di tempat lain. Koridor Pantai Timur ialah seluruh negeri Kelantan dan Terengganu dan kawasan-kawasan yang ditentukan di negeri Pahang dan timur laut negeri Johor, sementara aktiviti yang digalakkan adalah seperti yang diwartakan di bawah Akta penggalakan Pelaburan 1986.

**PEMBASMIAN KEMISKINAN**

109. Pembasmian kemiskinan akan terus menjadi paksi agenda keadilan sosial dan masyarakat penyayang. Namun jumlah sumber dan pendekatan yang digunakan untuk tujuan ini sejajar dengan tahap masalah kemiskinan yang berkurangan masa kini. Dengan kadar kemiskinan pada tahap 14 peratus, kita mampu menjurus program terus ke kumpulan sasaran. Tumpuan sekarang adalah untuk membasmi kefakiran melalui gabungan usaha Kerajaan dan inisiatif sektor swasta. Bentuk program yang dilaksanakan bukanlah bertujuan untuk mempertahankan sindrom ketergantungan, sebaliknya memupuk

semangat mandiri, daya usaha dan keusahawanan di kalangan golongan sasaran.

110. Tunjang kepada program pembasmian kemiskinan, iaitu PPRT yang meliputi bantuan perumahan, pendidikan dan projek sosio-ekonomi, diperuntukkan RM149.1 juta. Program ini adalah tambahan kepada pelbagai program pembangunan luar bandar. Skim khas ASB yang dilaksanakan oleh PNB dengan Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, telah berjaya menyalur sebanyak RM700 juta terus kepada golongan fakir tanpa menambah tenaga pentadbiran dan dengan kos pengurusan yang paling minimum. Jumlah yang telah menyertai skim ini meningkat melebihi 150,000 orang dan sebahagian darinya telah mula memperolehi dividen. Inilah mungkin satu-satunya negara di dunia di mana orang yang paling miskin mendapat dividen saham. (*Tepuk*)

111. Strategi membela nasib rakyat desa juga berkesan melalui pendidikan dan kesihatan. RM315.7 juta disediakan untuk membina dan mengurus asrama sekolah di kawasan luar bandar dan RM56.7 juta untuk meningkatkan taraf kesihatan luar bandar. RM50 juta disediakan bagi skim pinjaman khas pertanian dan RM236.7 juta untuk pelaksanaan projek pembangunan pertanian bersepadu.

112. Beberapa program lain seperti Amanah Ikhtiar Malaysia dan Yayasan Kemiskinan yang ditaja oleh kerajaan negeri dan pihak swasta serta rancangan khas institusi kewangan dan badan korporat menjadikan rancangan pembasmian kemiskinan suatu gerakan raksasa Kerajaan dan rakyat Malaysia. Dengan

kegigihan dan pendekatan inovatif ini, kita sebenarnya berdaya menyelesaikan masalah kefakiran dalam satu tempoh yang singkat. Demikianlah tekad dan azam kita bersama untuk memerangi kedhaifan dan kefakiran di bumi tercinta ini.

### PROGRAM PERUMAHAN AWAM

113. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan prihatin dengan masalah perumahan yang kian meruncing di kalangan golongan berpendapatan rendah dan sederhana di kota-kota besar. Kelewatan menangani masalah ini akan menimbulkan masalah sosial di kawasan setinggan dan sesak khususnya di bandar-bandar.

114. Rancangan penyelesaian yang dikemukakan sebelum ini kurang menampakkan kesan kerana, meskipun pemaju-pemaju disyaratkan membina rumah murah yang kos jualannya tidak melebihi RM25,000 seunit sebagai sebahagian daripada rancangan perumahan yang diluluskan, pembinaan rumah-rumah ini biasanya ditangguh atau dibina sebahagian dengan mutu yang rendah sekali ataupun tidak dibina sama sekali. Pendekatan dan kaedah yang dikenakan sekarang juga seringkali menyulitkan pembeli berpendapatan rendah.

115. Sebagai langkah mengatasi masalah ini saya mencadangkan pelaksanaan satu program perumahan kos rendah secara besar-besaran yang melibatkan dana berjumlah RM1.04 bilion, (*Tepuk*), iaitu RM504 juta sebagai peruntukan pembangunan dan RM900 juta bagi mewujudkan satu Tabung Perumahan Kos Rendah. Komponen pertama Tabung ini

melibatkan modal RM300 juta yang akan digunakan untuk memberi pinjaman mudah kepada pemaju bagi mereka menyejajarkan pembinaan rumah kos rendah dalam rancangan perumahan yang diluluskan.

116. Bank Negara akan menyediakan kemudahan pinjaman dengan kadar bayaran faedah nominal kepada pemaju menerusi institusi kewangan. Pemaju bagi rancangan perumahan yang telah diluluskan dikehendaki melaksanakan pembinaan rumah tersebut dalam tempoh dua tahun. Kemudahan pinjaman juga diberikan kepada pemaju yang bercadang membuka rancangan perumahan kos rendah dengan syarat rancangan tersebut melibatkan kawasan baru yang ditetapkan. Pelaksanaan rancangan khas ini akan diselaraskan oleh SPPK.

117. Bagi membantu pembeli berpendapatan rendah, bank-bank swasta akan menyediakan kemudahan pinjaman bagi pembelian rumah kos rendah berasaskan garis panduan dan syarat kelayakan yang akan dikeluarkan oleh Bank Negara. Pembeli akan diberi pinjaman sehingga 95 peratus daripada nilai harga rumah dan boleh membuat bayaran balik pinjaman untuk tempoh selama 25 tahun dengan kadar bayaran faedah tidak melebihi paras 9 peratus setahun. Bank Negara akan memperketatkan pengawasan agar institusi kewangan menyalurkan pinjaman sewajarnya.

118. Komponen kedua melibatkan skim membiayai pembinaan rumah pangsa bertingkat sederhana yang akan disewa kepada golongan yang berpendapatan rendah untuk tempoh selama lima tahun. RM600 juta akan digunakan untuk membiayai pem-



binaan rumah pangsa di kawasan bandar utama di mana masalah setingan sangat meruncing. Pelaksanaan skim diselaraskan oleh SPPK dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Kerajaan-kerajaan negeri.

119. Bagi membiayai Tabung ini, Kerajaan dan Bank Negara akan menyediakan peruntukan permulaan sebanyak RM300 juta. Sejumlah RM300 juta lagi akan diperolehi dari bank, institusi kewangan dan badan korporat. Syarikat dan pihak swasta wajarlah menganggap sumbangan mereka kepada skim perumahan ini sebagai memenuhi tanggungjawab sosial. Walau bagaimanapun, sebagai insentif, Kerajaan akan memberikan potongan cukai dua kali ke atas sumbangan yang diberi sehingga 31 Januari 1994. Sumbangan selepas tarikh tersebut layak menerima potongan cukai sekali sahaja.

120. Di samping itu, peruntukan pembangunan disediakan bagi meneruskan pelaksanaan Projek Perumahan Kos Rendah termasuk Skim Pertapakan Khas (SPK) dibawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan projek perumahan bagi kakitangan kerajaan dalam perkhidmatan penting termasuk tentera dan polis.

121. Untuk menggalakkan syarikat-syarikat pengilangan menyediakan tempat penginapan bagi pekerja mereka, saya mencadangkan supaya perbelanjaan ke atas pembinaan atau pembelian rumah kediaman bagi pekerja dibenarkan sebagai potongan bagi tujuan cukai pendapatan. Kita optimis dengan pendekatan baru ini, lebih-lebih lagi dengan penyertaan dan sokongan kerajaan-kerajaan

negeri terutamanya di Selangor, Melaka, Pulau Pinang, Johor dan Wilayah Persekutuan di mana diperlukan tapak tanah dengan premium yang munasabah.

### **KAEDAH PINJAMAN PERUMAHAN ISLAM**

122. Kerajaan akan mewujudkan satu skim pinjaman perumahan sebagai pilihan berkonsepkan Bai' Bithaman Ajil atau Jualan Harta Tertanggung, dimana Kerajaan akan membeli rumah dipohon oleh pegawai Kerajaan dan menjualkan semula kepada mereka pada satu harga yang meliputi bayaran perkhidmatan. Bagi membiayai skim ini, Kerajaan telah mewujudkan kaedah dengan kerjasama Cagamas Berhad.

123. Dengan pelaksanaan skim ini, dua objektif utama dicapai. Pertama, skim ini akan memberi kemudahan kepada kakitangan Kerajaan untuk memiliki rumah dengan kaedah Islam. Kedua, skim ini akan mempelopori satu instrumen kewangan yang baru iaitu Bon Mudharabah Cagamas, yang merupakan instrumen kewangan yang pertama seumpamanya diwujudkan di mana-mana negara (*Tepuk*). Dengan pelaksanaan Skim Pinjaman tersebut, Kementerian Kewangan juga akan menyediakan Skim Insurans Polisi Kebakaran dan Polisi Gadaijanji sesuai dengan kaedah Islam.

### **KELAYAKAN PINJAMAN PERUMAHAN MENGIKUT SSB**

124. Kerajaan telah mengkaji semula kelayakan pinjaman perumahan bagi semua golongan kakitangan Kerajaan termasuk dua kumpulan

kakitangan sokongan. Bagi memudahkan mereka memperoleh rumah, kelayakan maksimum ditingkatkan dari RM25,000 kepada RM35,000 dan dari RM70,00 kepada RM80,000.

### PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR

125. Tuan Yang di-Pertua **Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar** diberi peruntukan RM48.14 juta untuk mengendalikan pelbagai aktiviti mengesan dan mencegah pencemaran. RM87.3 juta disediakan di bawah **Kementerian-kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pertanian, Perusahaan Utama dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur** untuk pembersihan Sungai-sungai Kelang dan Gombak, pencegahan hakisan pantai, penempatan semula ladang ternakan khinzir dan pengawalan pembalakan serta hutan-hutan daripada tercemar.

126. Tanggungjawab melindungi serta memulihara alam sekitar hendaklah dipikul bersama oleh semua pihak termasuk pengeluar dan pengguna. Di pihak pengeluar, Kerajaan telah menyediakan insentif kepada pengilang yang mengolah buangan toksik yang merbahaya. Pihak pengguna juga wajar digalakkan menggunakan barangan yang serasi dengan alam sekitar. Dengan itu saya mencadangkan supaya harga runcit petrol tanpa plumbum dikurang sebanyak 3 sen seliter mulai 1 Januari 1994. (*Tepuk*)

127. Sesuai dengan galakan ini, saya ingin mencadangkan untuk memberi pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas alat penukar pemangkin

(catalytic convertor) kepada syarikat-syarikat pemasangan kenderaan. Kemudahan ini akan dapat dinikmati oleh pemilik-pemilik kenderaan baru dan sebagai langkah positif ke arah pemuliharaan alam sekitar. Sementara itu, penguatkuasaan terhadap kenderaan berasap berlebihan akan ditingkatkan.

128. Penguatkuasaan pembalakan haram kini lebih berkesan. Namun, hutan rimba merupakan khazanah pelbagai jenis tumbuhan dan haiwan yang perlu dipelihara. Untuk tujuan ini Kerajaan telah melaksanakan program ladang hutan yang dijangka mengurangkan tekanan ke atas permintaan terhadap kayu kayan daripada hutan rimba dan dengan itu melindunginya daripada pupus. Galakan cukai semasa dalam bentuk taraf perintis atau elaun cukai pelaburan tidak mendapat sambutan memuaskan. Maka bagi menarik minat pelabur seterusnya saya mencadangkan supaya aktiviti penanaman ladang hutan diberikan pengiktirafan sebagai industri strategik untuk kepentingan nasional dan dengan itu layak memilih pengecualian cukai sepenuhnya selama 10 tahun di bawah galakan taraf perintis atau mendapat 100 peratus elaun cukai pelaburan selama 5 tahun.

129. Pertubuhan sukarela juga mempunyai peranan yang penting dalam membantu usaha mencegah pencemaran alam sekitar. Pertubuhan ini sebahagian besarnya bergantung kepada sumbangan Kerajaan dan syarikat swasta bagi membiayai kegiatan mereka. Sebagai menghargai sumbangan para dermawan tersebut, saya mencadangkan supaya sumbangan kepada pertubuhan alam sekitar yang diiktiraf dibenarkan sebagai potongan dalam pengiraan cukai pendapatan.

## MEMPERKAYA JIWA BANGSA

130. Sesungguhnya tamadun-tamadun dunia yang agung lahir hanya apakala aspek akliah dan kejiwaan serta material berada dalam keadaan seimbang. Atas kesedaran inilah maka Kerajaan terus menerus memberikan ransangan dan insentif asas bagi menggalak kegiatan saintifik, kreatif dan estetik.

131. Bagi memupuk nilai seni dan budaya, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM20.5 juta untuk melaksanakan projek Taman Seni Budaya di Pahang, Kedah dan Perak, pembangunan perkampungan budaya, peningkatan Kompleks Budaya Negara, dan Akademi Seni.

132. Untuk menggalakkan minat membaca dan meningkatkan penggunaan Bahasa Malaysia, **Dewan Bahasa dan Pustaka** diperuntukkan sejumlah RM25 juta bagi meneruskan usaha penterjemahan buku-buku ilmiah, teknikal, sastera dan budaya. Dalam tempoh dua tahun, Institut Terjemahan Negara Malaysia pula akan mengendalikan semua usaha penterjemahan. Selaras dengan pengumuman sebelumnya, saya ingin mencadangkan pelepasan cukai bagi semua sumbangan penterjemahan yang diberikan kepada Institut Terjemahan Negara Malaysia.

133. Pada Belanjawan tahun lalu, kita memperbaiki insentif kepada ahli sains, penulis, para seniman dan budayawan melalui pengecualian cukai ke atas semua anugerah rasmi wang tunai yang diterima oleh mereka. Untuk memperteguh asas pembinaan dan pengembangan proses memperkaya jiwa bangsa maka pada tahun ini saya mencadangkan supaya bayaran daripada kegiatan yang bersifat

keilmuan dan kreatif yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai alat ungkap, dikecualikan daripada cukai pendapatan. (*Tepuk*)

134. Untuk mengembangkan lagi asas budaya ilmu, saya mencadangkan sumbangan syarikat sehingga RM100,000 untuk menubuh dan memperlengkapkan perpustakaan awam termasuk pusat pendidikan dan bilik bacaan desa diberi pelepasan cukai. (*Tepuk*)

135. Ke arah mempertingkatkan galakan kepada para saintis, ilmuan dan karyawan kreatif untuk memperkaya khazanah ilmiah dan seni bangsa, saya mencadangkan supaya paras pelepasan cukai pendapatan dari penterjemahan buku ilmiah serta karya sastera dinaikkan dari RM6,000 kepada RM12,000. (*Tepuk*) Saya juga mencadangkan supaya pelepasan cukai ke atas royalti dari penulisan karya ilmiah dan kreatif yang disahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dinaikkan dari RM12,000 kepada RM20,000 (*Tepuk*) Selaras dengan itu saya ingin memanjangkan pengecualian ini kepada penggubah lagu bagi pendapatan sehingga RM12,000 dan kepada pendapatan dari hasil lukisan asli pelukis iaitu sehingga RM20,000. (*Tepuk*)

136. Untuk menanam dan memekarkan citarasa serta seni bermutu tinggi bersesuaian dengan kedudukan Malaysia sebagai pusat budaya, saya mencadangkan supaya duti import ke atas karya lukisan asli termasuk khat kaligrafi dan lakaran dimansuhkan. (*Tepuk*)

137. Cita-cita membina prasarana budaya ilmu dan seni termasuk seni panggung akan dapat diperkukuhkan oleh warga korporat yang prihatin.

#### IV. PROSPEK EKONOMI 1994

138. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan aliran semasa dan kesan pelaksanaan kebijaksanaan fiskal tahun ini, kita penuh yakin insya-Allah, menyaksikan pada tahun 1994 satu lagi tahun kecemerlangan ekonomi untuk Malaysia. Pemulihan ekonomi dunia dijangka berkembang pada kadar kira-kira 3 peratus manakala perdagangan dunia pula dijangka meningkat pada kadar 5 peratus berbanding dengan 3 peratus tahun ini. Prospek ini akan lebih cerah sekiranya Rundingan Uruguay dimeterai dengan jayanya menjelang 1994.

139. Kita mengunjurkan KDNK Malaysia berkembang pada kadar 8.2 peratus dalam tahun 1994. (*Tepuk*) Penggunaan swasta dijangka meningkat pada 6 peratus manakala pelaburan swasta 6.5 peratus. Pelaburan awam pada kadar 17 peratus; khususnya dari pelaburan PABK yang dianjurkan meningkat 32 peratus. Lebih dalam akaun semasa imbalan pembayaran akan bertambah mantap, iaitu RM1.5 bilion atau 0.9 peratus dari KNK berbanding dengan hanya RM511 juta pada tahun ini. Dengan pelaksanaan reformasi cukai dan penerusan dasar perbelanjaan berhemat, insya-Allah, kita akan dapat mempertahankan rekod belanjawan berimbang bagi tahun 1994.

140. Sumber pertumbuhan ekonomi, dari dalam dan luar negeri, dijangka akan terus kukuh. Sektor pembuatan dan pembinaan akan tambah berdaya saing dan produktif. Sektor perkhidmatan, terutamanya industri pelancongan, akan lebih dinamis. Industri perkapalan akan lebih rancak dengan pelaksanaan Tabung Perkapalan. Pelabuhan kita seharusnya lebih berupaya bersaing dengan

langkah penswastaaan dan kemudahan tambahan. Industri insurans akan lebih cergas dengan pembentukan skim insurans berat dan berisiko tinggi.

141. Jalan-jalan raya, dan lain-lain prasarana, akan terus diperbaiki. Pengeluaran industri dan perkhidmatan akan terus meningkat. Syarikat-syarikat, termasuk syarikat Kerajaan yang diswastakan, akan menikmati keuntungan yang lebih baik dan seterusnya memberikan pulangan lebih lumayan kepada para pelabur serta memenuhi tanggungjawab sosial mereka.

142. Keselesaan dan paras hidup rakyat pula akan bertambah baik kerana sementara inflasi akan dapat dikawal pada paras 3.5 peratus pendapatan per kapita akan meningkat pada kadar yang lebih tinggi, iaitu 9.4 peratus untuk menjadi RM9,130. Dengan penurunan dan penghapusan duti import yang kini telah melebihi 1,000 jenis sejak tahun lalu Malaysia bukan sahaja di kalangan rakyat tempatan tetapi juga di kalangan pelancong akan menikmati harga barangan yang jauh lebih murah.

143. Sumber pertumbuhan luar negeri dan perdagangan antarabangsa, lebih segar dan lebih meyakinkan di Asia Timur. Perdagangan dan integrasi ekonomi rantau ini akan bertambah pantas dengan ASEAN sebagai pemangkin kegiatan ekonomi termasuk jalinan kerjasama segi tiga yang giat dilaksanakan. Gagasan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) meskipun masih belum formal strukturnya sudah matang dari sudut perdagangan pesat intra rantau berkenaan.

144. Kadar pengangguran dijangka berkurangan ke paras di bawah peratus

dalam tahun 1994 dan ini akan menyebabkan pasaran buruh menjadi lebih ketat. Akan tetapi beberapa program latihan sektor awam dan swasta serta kemudahan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia akan dapat melegakan tekanan tersebut.

145. Dari segi penguasaan teknologi, tahun 1994 akan membuka tabir baru yang akan merangsang masyarakat saintifik tempatan. Pusat Sains Negara dan Planetarium akan menyemarak budaya sains dan memperkukuh hasrat untuk menguasai ketrampilan dan teknologi. Menara Kuala Lumpur bukan sekadar mercu tanda, bahkan sebagai pusat telekomunikasi dan teknologi maklumat. Industri berat akan mendapat lonjakan baru dengan kejayaan Perwaja menggunakan teknologi baru pengurangan langsung pengeluaran besi waja. Teknologi ini akan memungkinkan Malaysia mencapai tahap swadaya (self-sufficiency) dalam pengeluaran besi waja. Penguasaan teknologi automotif kian teguh dan kapasiti pengeluaran kereta nasional akan bertambah dengan pelaksanaan projek kereta M-2 dan kerjasama Proton dengan sektor swasta. Lebih dari itu, Malaysia telah meneroka satu industri baru, iaitu aerospace, yang akan memungkinkan kita membuat lompatan dalam penguasaan teknologi di tahun-tahun akan datang.

## V. PENUTUP

146. Tuan Yang di-Pertua, kita telah memasuki tahun ketujuh era pertumbuhan ekonomi yang berterusan. Di samping bergembira, kita perlu menginsafi peringatan Allah SWT dalam Surah Yusuf iaitu tujuh tahun subur adalah persediaan bagi kita menghadapi kemarau tujuh tahun

berikutnya. Justeru itu segala limpah kemakmuran yang dianugerahNya melalui kepesatan kemajuan ekonomi tidak mungkin dapat dipertahan atau dimanfaatkan selanjutnya seandainya kita tidak merangka rencana khusus bagi mengelakkan kita daripada ditimpa bala "gersang ekonomi".

147. Meskipun putaran kemakmuran dan kemelesetan kerap datang silih berganti dalam mana-mana sistem ekonomi, ia bukanlah hukum mutlak yang tidak dapat dielakkan. Bahkan kemewahan boleh bertukar menjadi kegersangan justeru kerana manusia sering cuai dan alpa, boros dan berfikiran singkat dalam perancangan. Iktibar dari kisah Nabi Yusuf a.s. ialah kita perlu menggunakan kebijaksanaan dan sentiasa berhemat berbelanja untuk membina ketahanan bagi menangani segala cabaran yang mendatang.

148. Justeru itu Belanjawan 1994, melanjutkan kebijaksanaan pengurusan kepada membina ketahanan ekonomi dan kemampuan pertumbuhan dengan meningkatkan tabungan, kecekapan produktiviti, perbelanjaan berhemat dan meneroka pasaran baru.

149. Pelonggaran kekangan dan usaha mengurangkan kerenah birokrasi akan diteruskan sebagai langkah untuk meningkatkan kecekapan dan daya saing. Selain menjamin keberkesanan penguatkuasaan, ketelusan dan keterjangkaan (predictibility) ia juga merupakan langkah bagi mencegah rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

150. Kejayaan penswastaaan kita bukan sekadar diiktiraf bahkan dijadikan model yang diteladani. Namun masih terdapat segelintir penglipur lara yang

menjaja dakyah dan cemuhan seolah-olah penswastaan bererti pengadaian kepentingan rakyat. Kita tidak akan berganjak dengan dasar yang telah terbukti dan dikagumi. Dari itu, beberapa lembaga dan jabatan lainnya seperti Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang, setor perubatan dan kereta Kerajaan akan turut diswastakan.

151. Bagaimanapun, kemakmuran dan kekuatan ekonomi bukanlah segala-galanya tetapi hanyalah jalan bagi kita mencapai keutuhan sosial, perpaduan rakyat dan swadaya nasional.

152. Akan tetapi bagi golongan kembiri politik, kekacauan dan ketidakstabilan politik adalah satu-satunya jalan bagi mereka untuk mencium kuasa. Mereka sedar bahawa mereka tidak mungkin berkuasa melalui jalan demokrasi dan kebenaran. Kerana kepentingan peribadi dan igauan politik, mereka ini berlagak bergentayangan merata-rata dengan harapan rakyat akan terpengaruh dengan dakyah dan gelembong mereka. (*Sorak*) (*Tepuk*) Mereka tersentak dari igauan politik kerana tersungkur di Batu Talam dan tertiarap di Kampung Raja. (*Ketawa*) (*Tepuk*) Kemenangan Barisan Nasional dengan majoriti besar di kedua-dua pilihanraya kecil itu sekali lagi membuktikan keyakinan rakyat kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. (*Tepuk*) Pada kesempatan ini izinkanlah saya juga untuk turut menyatakan penghargaan kepada YAB Encik Abdul Ghafar Baba atas segala khidmat dan sumbangan beliau. (*Tepuk*) (*Sorak*)

153. Keadilan dan keharmonian sosial, kesejahteraan hidup dan kemakmuran rakyat adalah tunggak perjuangan Kerajaan kita. Kita sedar bahawa masih

ada banyak kepincangan dan kelemahan tetutamanya dari segi pelaksanaan. Meskipun begitu, Kerajaan tidak pernah mungkir daripada prasetyanya iaitu niat dan janji teguhnya, kepada rakyat. Justeru itu, kita memberi penegasan khusus terhadap masalah perumahan warga kota memiliki rumah. Rumah adalah tunjang sesebuah keluarga. Pihak yang terlibat dengan penyediaan kehendak asas ini perlu menyegerakan tindakan bagi memenuhi agenda sosial utama ini.

154. Malaysia sebegitu lama terdedah dengan pengalaman barat dan juga telah menerima gagasan Pandang Ke Timur. Kita akan terus belajar dari mana-mana sahaja namun kejayaan yang telah kita tempa perlu memberikan kita keyakinan bahawa kita mampu mengembangkan pola pembangunan dan seterusnya sistem sosial dan politik menurut acuan nilai budaya tempatan.

155. Tradisi dan kebudayaan jugalah yang mendorong Perdana Menteri YAB Dato' Seri Dr. Mahathir sentiasa berusaha menjalin silaturrahim dengan negara-negara luar terutama kerjasama Selatan-selatan dan Asia Timur. Pada titik ini, negara kita bukan saja terkenal di arena antarabangsa sebagai negara yang tangkas ekonominya tetapi juga sebuah negara maju yang berperikemanusiaan. Suara Perdana Menteri yang bergema di pentas-pentas antarabangsa mengenai isu-isu kemanusiaan sejagat, penindasan kaum minoriti dan kepincangan kuasa-kuasa besar sentiasa mendapat perhatian seantero dunia. (*Tepuk*)

156. Malaysia sendiri dengan segala pengalaman Asia yang kaya: agama, tradisi dan budaya di mana kelainan atau perbezaan bukanlah asas pertelingkahan, tetapi untuk kenal

mengenal dan saling memperkaya pengalaman "Bersekutu Bertambah Mutu". Yang perlu kita banteras ialah faham perkauman, extremism, tidak tasamuh atau toleran dan kejudan yang menjadikan agama sebagai alasan untuk malas dan tewas dalam persaingan.

157. Dalam masyarakat di mana sekalipun, memang ada dalang yang cuba mengapi-apikan soal perkauman dan keagamaan bagi mencapai tujuan politik mereka. Kita juga menghadapi permasalahan ini. Akan tetapi pelbagai reformasi yang telah kita laksanakan selama ini telah membantu kita mengawali apa jua keadaan.

158. Ketika Kerajaan mula-mula mengajukan dasar penerapan nilai Islam misalnya, ada yang mencemuh usaha itu sebagai retorika politik semata-mata. Pada tahap ini rakyat pasti sudah dapat menilai apakah semua itu retorika atau usaha hakiki. Pelbagai rancangan bagi Kerajaan mempertingkatkan martabat bangsa, menjamin kesaksamaan dalam pengagihan ekonomi antara warga, sebenarnya memancarkan semangat dan keinsafan Islam. Di samping itu, memang ada program-program khusus seperti perbankan tanpa faedah, takaful dan pendidikan yang dilaksanakan mengikut sistem khusus Islam.

159. Kita hidup dalam masyarakat pelbagai rupa yang mempunyai sensitiviti sendiri. Justeru itu, hidup berukun memerlukan kawalan diri dan semangat hormat menghormati. Demokrasi bukannya sijil untuk hentam kromo; (*Ketawa*) membangkang bukan kerana geram; mencela bukan kerana cemburu; bercakap jangan sesedap mulut, bertindak jangan sekehendak hati. (*Tepuk*)

160. Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu-wataala kerana limpah kurniaNya negara dan rakyat sentiasa di dalam keadaan aman damai iaitu salah satu prasyarat kemajuan. Kita tentu sedar bahawa keamanan dan kemakmuran adalah hasil perjuangan semua gologan dan lapisan rakyat. Penghargaan khusus perlu kita berikan kepada pasukan keselamatan iaitu Polis DiRaja dan Angkatan Tentera yang setia berkhidmat untuk memperteguh keselamatan negara. Malah mereka telah bersama pasukan PBB mencagar jiwa raga di Kampuchea, Bosnia-Herzegovina dan Somalia demi keamanan dan keadilan sejagat.

161. Akhirul kalam, kejayaan ekonomi bergantung kepada kestabilan politik. Maka dasar ekonomi perlu memperteguh kestabilan itu dengan perencanaan yang menjurus kepada pertumbuhan dan ketangkasan tanpa mengorbankan keadilan dan kesaksamaan. Ini yang ingin kita usahakan dalam segala kebijaksanaan ekonomi negara dalam menuju Wawasan.

Tuan Yang DiPertua, saya mohon mencadangkan (*Tepuk*).

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong

## USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1994

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul di atas nama saya di dalam Aturan Urusan Mensyuarat hari ini yang berbunyi:

"Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang

Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM13,850,004,080 (Ringgit Malaysia tiga belas bilion, lapan ratus lima puluh juta, empat ribu dan lapan puluh) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1994, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1994 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31 Tahun 1993, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang sedemikian jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut",

diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 66 (3), perbahasan di atas usul-usul bagi bacaan kali yang kedua atas Rang Undang-undang Perbekalan 1994 dan Usul Anggaran Perbelanjaan 1994 hendaklah ditangguhkan pada suatu tarikh tidak kurang daripada dua hari setelah usul-usul tersebut dicadang dan disokong. Oleh yang demikian, mesyuarat Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Isnin, 1hb. November 1993.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.45 petang.*